

Headline	Sindiket asing kebas kayu gaharu		
MediaTitle	Kosmo		
Date	24 Feb 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	1,2	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	1166 cm ²
Journalist	Oleh JUNHAIRI ALYASA, MOHD. TURMADZI	AdValue	RM 30,259
Frequency	Daily	PR Value	RM 90,777



Pencuri kayu gaharu diburu

Malaysia rugi RM140 juta akibat kegiatan sindiket dari Vietnam dan Kemboja curi hasil hutan, hidupan liar

KERAJAAN akan melancarkan operasi penguatkuasaan secara bersepada bagi memburu sindiket dan pencuri kayu gaharu di kawasan hutan negara ini yang mengakibatkan kerugian hampir RM140 juta sejak lebih sedekad lalu.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar (gambar) berkata, pihaknya mendapat maklumat terdapat pencuri dari negara jiran termasuk Kemboja dan Vietnam



menceroboh hutan di sempadan negara ini bagi mencuri kayu tersebut yang digunakan untuk membuat minyak wangi.

"Saya bersama sangat kecewa dan tidak akan memaafkan pencuri itu kerana mereka bukan sekadar menceroboh hutan kita malah bertindak kejam membunuh haiwan liar," kata Wan Junaidi pada

sidang akhbar selepas majlis perhimpunan bulanan kementeriannya di Putrajaya semalam.

Kosmo! difahamkan, sindiket terbabit menjadikan hutan di Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Johor sebagai sasaran untuk mendapatkan hasil pokok gaharu yang sangat lumayan itu.



KAYU gaharu gred A boleh mencapai harga RM30,000 hingga RM50,000 sekilogram.

MINYAK wangi kayu gaharu sangat mahal harganya hingga ada yang mencapai RM600 bagi isian 12 mililiter.

►BERITA DI MUKA 2

Pencuri gaharu, penyeludup hidupan liar sebabkan negara rugi lebih RM140 juta

Sindiket asing kebas kayu gaharu

Oleh JUNHAIRI ALYASA, MOHD. TURMADZI MADUN dan MUHAMAD TARMIZE MOHD. NOR

PUTRAJAYA - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengisyiharkan 'perang' ke atas sindiket dan pencuri kayu gaharu serta hidupan liar sehingga menyebabkan negara kerugian RM140 juta sejak lebih sedekad lalu.

Difahamkan, pencuri yang didalangi sindiket warga Thailand, Vietnam dan Kemboja itu menjadikan hutan di Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Johor sebagai sasaran untuk mendapatkan hasil lumayan.

Menurut sumber,

sindiket warga asing itu akan masuk ke negara ini secara sah sebelum tinggal di dalam hutan selama dua hingga tiga bulan.

Terdapat juga penceroboh dalam kalangan orang tempatan.

Kata sumber itu, mereka kemudian akan keluar secara haram bersama hasil hutan seperti kayu gaharu dan bangkai haiwan yang dilindungi termasuk harimau, tenggiling, kambing gurun, beruang dan lain-lain melalui jalan tikus.

"Kesemua hasil itu akan

dijual di pasaran gelap pada harga tinggi. Sejak dua tahun lalu, kita telah menahan seramai 70 penceroboh dalam operasi bersama Angkatan Tentera Malaysia. Kesemua yang telah didakwa.

"Siasatan kita mendapati, kawasan Taman Negara di Pahang seluas 4,343 kilometer persegi tel-

ah diceroboh lebih

40 peratus oleh sindiket ini. Selain Taman Negara di Pahang, mereka turut menceroboh hutan simpan di Kelantan dan Terengganu, Hutan Royal Belum di Perak serta Taman Negara di Johor," kata sumber itu kepada *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, maklumat mengenai pencerobohan hutan itu diperoleh sejak beberapa tahun lalu.

Headline	Sindiket asing kebas kayu gaharu		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	24 Feb 2016	Circulation	197,202
Section	Negara	Readership	875,000
Page No	1,2	ArticleSize	1166 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 30,259
Journalist	Oleh JUNHAIRIALYASA, MOHD. TURMADZI	PR Value	RM 90,777
Frequency	Daily		

"Saya berasa sangat kewawa dan tidak akan memaafkan pencuri ini kerana mereka bukan sekadar menceroboh hutan kita malah bertindak kejam membunuh haiwan liar," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis perhimpunan bulanan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di sini semalam.

Menurut Wan Junaidi, pihaknya turut berharap orang ramai terutamanya yang tinggal berhampiran

hutan seperti penduduk kampung, Jabatan Perhutani, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan Orang Asli dapat menyalurkan maklumat berhubung pencerobohan hutan di kawasan masing-masing.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah II Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan

Taman Negara (Perhilitan), Fakhru Hatta Musa berkata, akibat

pencerobohan hutan itu mengikut data pihaknya, Malaysia kerugian lebih RM140 juta antara tahun 2002 hingga 2014.

"Kita tidak menolak kemungkinan terdapat sindiket antarabangsa dari Thailand, Kemboja dan Vietnam selain warga tempatan yang menjadi dalang dalam kegiatan haram ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung

Malaysia, Datuk Seri Dr. Abd. Rahman Abd. Rahim berkata, gaharu mendapat permintaan yang tinggi di negara seperti Arab Saudi yang banyak mengeluarkan minyak wangi menjadikan harganya begitu mahal.

"Pasaran yang amat besar di negara-negara pengeluar minyak wangi seperti Arab Saudi menjadikan gaharu sangat bernilai tinggi di pasaran," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Kayu gaharu Malaysia ibarat 'emas hutan'

KUALA LUMPUR – Kayu gaharu yang terdapat di negara ini ibarat 'emas di hutan' kerana ia berkualiti tinggi dan mampu mencecah harga sehingga RM30,000 sekilogram (kg).

Menurut Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod, tanah dan cuaca di Malaysia menyebabkan gaharu yang diperoleh daripada pokok karas atau nama saintifiknya, *Aquilaria malaccensis* berkualiti tinggi dan antara yang terbaik di dunia.

"Produk gaharu tempatan mempunyai



ABD. LATIF

kualiti sama dengan kayu gaharu dari India kerana keadaan tanah dan cuaca yang sama.

"Ini menyebabkan permintaan kayu gaharu negara sangat tinggi untuk pasaran di Asia Barat sekali gus menyebabkan banyak pihak sanggup menceroboh dan mencuri khazanah negara kita," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Jelas beliau, pasaran kayu gaharu dunia kini mencecah sebanyak RM18 bilion dan Malaysia menyumbang jumlah eksport bahan tersebut sebanyak RM30 juta setahun.

"Di pasaran antarabangsa, gred kayu gaharu yang baik boleh mencapai sehingga RM50,000 sekilogram namun gred kayu gaharu di Malaysia adalah antara RM12,000 hingga RM30,000," ujarnya.

Bagaimanapun, di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Tercancam jumlah eksport yang dibenarkan untuk sesebuah negara ialah sebanyak 200,000kg pada tahun 2014, dan diturunkan kepada 150,000kg pada tahun ini.

"Ini bertujuan melindungi spesies pokok gaharu yang semakin berkurangan berpunca daripada kegiatan mencuri hasil gaharu," katanya.

INFO Gaharu

- Gaharu adalah sejenis damar yang terbentuk secara semula jadi hasil tindak balas pokok gaharu ke atas serangan fungus/bakteria (penyakit).
- Pokok yang diserang menyebarkan sejenis minyak berbau bagi melindungi bahagian yang cedera (seperti akar, batang dan dahan) sebelum minyak ini lama-kelamaan menjadi keras (damar).
- Bahan damar yang terhasil itu mengandungi bahan sari atau resapan damar yang wangi dan dikenali sebagai gaharu.
- Gaharu digunakan dalam pelbagai cara termasuk perubatan tradisional, artifak seni, kosmetik, pati minyak dan colok.
- Gaharu dibakar untuk menghasilkan bau-bauan yang wangi sejak dahulu lagi oleh orang Cina, Arab dan India.
- Pati minyak yang diekstrak daripada gaharu digunakan sebagai bahan campuran minyak wangi seperti minyak attar.

Anggaran harga gaharu mengikut gred

Gred	Harga kayu (sekilogram)
Super A	- Lebih RM20,000-RM50,000
A	- RM16,000-RM18,000
B	- RM9,000-RM11,000
C	- RM300-RM500
D	- RM10

Harga minyak gaharu bagi gred D - RM400-RM600 (12ml)

Headline	Sindiket asing kebas kayu gaharu		
MediaTitle	Kosmo		
Date	24 Feb 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	1,2	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	1166 cm ²
Journalist	Oleh JUNHAIRIALYASA, MOHD. TURMADZI	AdValue	RM 30,259
Frequency	Daily	PR Value	RM 90,777



SINDIKET warga asing dipercaya dari Thailand, Vietnam dan Kemboja dipercaya mencuri kayu gaharu di hutan Malaysia.



KAYU gaharu digunakan sebagai salah satu bahan penting untuk menghasilkan minyak wangi.



PIHAK berkuasa berjaya menumpaskan satu sindiket dan merampas kayu gaharu yang dicuri di Kedah pada tahun 2011.